

Latih warden asrama jadi pembimbing moral

Oleh Dzuhailmi Dahalan
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah
Kesejahteraan Belia,
Institut Pengajian
Sains Sosial (IPSAS),
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Keputusan Majlis Amanah Rakyat (MARA) melantik warden sepenuh masa dalam kalangan bekas pegawai tentera dan bekas polis bertugas di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dilihat sebagai antara strategi terbaik membendung isu disiplin.

Berdasarkan kenyataan Pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, pelaksanaan akan dibuat secara rintis di beberapa MRSM terpilih, yang bukan sahaja menunjukkan keseriusan MARA menangani isu berkenaan, bahkan memperlihatkan kebijaksanaan dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan dikaji sebelum diperluas.

Hakikatnya, buli bukan lagi isu kecil, sebaliknya menjadi masalah nasional yang mencetuskan kebimbangan banyak pihak, termasuk ibu bapa, guru, pengurusan sekolah dan masyarakat.

Banyak kes dilaporkan menimbulkan trauma kepada pelajar, malah ada yang meninggalkan kesan psikologi berpanjangan. Justeru, pendekatan konvensional mesti diganti atau diperkasa dengan kaedah luar kotak yang lebih tegas dan berimpak tinggi.

Pemilihan bekas pegawai tentera dan polis berasaskan kelayakan serta kekuatan disiplin mereka yang terlatih dalam aspek kawalan keselamatan, pengurusan konflik dan mempunyai ketegasan tinggi dalam memastikan peraturan dipatuhi.

Kehadiran mereka di MRSM boleh memberikan mesej jelas kepada pelajar bahawa sebarang bentuk salah laku, terutama buli tidak ada kompromi.

Pada masa sama, inisiatif ini juga diiringi ker-

jasama dengan persatuan veteran tentera dan bekas polis bagi mengenal pasti calon yang benar-benar berwibawa untuk menggalas tanggungjawab.

Ini memastikan pemilihan tidak dibuat secara rambang, sebaliknya berpandukan kriteria profesional ketat. Selain itu, MARA juga komited menyediakan garis panduan jelas berhubung bidang tugas dan tanggungjawab warden agar peranan mereka tidak disalah erti atau disalah guna.

Warden bukan sahaja perlu menjaga keselamatan fizikal pelajar, bahkan berperanan sebagai ejen pembentukan sahsiah, teladan disiplin dan pembimbing moral.

Namun, peranan warden tidak boleh dilihat sebagai 'polis asrama' semata-mata. Justeru, mereka juga perlu diberi latihan dalam pendekatan psikologi pendidikan, komunikasi berkesan dengan remaja dan pengurusan emosi.

Ini untuk memastikan mereka dapat menjalankan tugas secara berhemah, adil dan berperikemanusiaan, selaras matlamat pendidikan holistik yang digariskan MARA.

Falsafah pendidikan MARA menekankan keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) perlu dijadikan asas utama dalam pendekatan ini.

Warden daripada latar belakang keselamatan mungkin mempunyai kekuatan dari aspek jasmani dan disiplin, tetapi mereka juga perlu dilengkapi dengan kefahaman mengenai aspek emosi dan rohani pelajar.

Dalam dunia pendidikan hari ini, pendekatan mendidik perlu menggabungkan elemen ketegasan dan empati secara seimbang.

Langkah ini juga mencerminkan kebijaksanaan dan keberanian MARA dalam mencuba pendekatan baharu untuk menambah baik sistem sedia ada.

Sering kali, apabila masalah buli berlaku, kita cepat menyalahkan pelajar, guru atau pihak sekolah, tetapi kita jarang melihat perubahan struktur atau peranan secara menyeluruh.

Maka, apabila MARA tampil dengan pendekatan ini, ia membuka ruang kepada pembaharuan dalam sistem pengurusan disiplin yang boleh dicontohi institusi pendidikan lain.

Sekiranya berjaya, ia bukan sahaja akan membantu menghapuskan kes buli, bahkan membentuk budaya disiplin kukuh di MRSM. Pelajar akan membesar dalam persekitaran lebih selamat dan teratur, seterusnya menyumbang kepada pencapaian akademik serta pembangunan peribadi seimbang.

Golongan itu perlu dibimbing, bukan sahaja untuk menjadi cemerlang dalam akademik, bahkan berakhlak, berintegriti dan mampu memimpin.

Justeru, pelantikan warden berwibawa, tegas dan dihormati boleh menjadi sebahagian sistem sokongan diperlukan untuk membentuk pelajar MRSM sebagai modal insan unggul negara.

Sudah tentu, pelaksanaan inisiatif ini perlu dipantau dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Input daripada ibu bapa, guru dan pelajar sendiri perlu diambil kira bagi memastikan pendekatan ini diterima baik dan benar-benar memberi kesan positif.

Ketelusan dalam pelaksanaan dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan tugas juga perlu dititikberatkan supaya tidak timbul isu salah guna kuasa atau salah tafsiran peranan warden.

Keputusan MARA adalah pendekatan berani menepati keperluan semasa yang bukan sahaja menjawab keresahan masyarakat terhadap isu buli di sekolah berasrama, bahkan memberi harapan baharu terhadap pembentukan sistem disiplin yang lebih mampan dan berkesan.